

Nama:

Kelas:

Tarikh:

26 Pasangan **manakah** paling tepat mengenai pelabuhan kerajaan awal?

Buku Teks: M.S. 62 Konstruk: Menganalisis Aras: Tinggi

	Pelabuhan	Peranan
I	Pelabuhan sungai	Menjadi pembekal hasil-hasil sungai
II	Pelabuhan entrepot	Membekalkan barangan tempatan
III	Pelabuhan kerajaan	Berkembang dan menjadi pusat pentadbiran
IV	Pelabuhan pembekal	Membekalkan bahan dagangan kepada pedagang

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

27 **Apakah** tulisan dari India yang digunakan sebagai medium tulisan bahasa tempatan dan Sanskrit?

Buku Teks: M.S. 63 Konstruk: Mengingat Aras: Rendah

- A Tulisan Jawi
B Tulisan Rumi
C Tulisan Pegon
D Tulisan Palava

28 **Apakah** peranan golongan Brahmin dalam kerajaan Alam Melayu?

Buku Teks: M.S. 64 Konstruk: Mengingat Aras: Rendah

- A Menjaga keamanan kerajaan
B Mengetuai upacara pertabalan
C Menjaga keselamatan negeri
D Menguruskan kutipan cukai

29 Masyarakat Alam Melayu telah mengamalkan sifat terbuka dalam amalan beragama. **Apakah** kesan daripada anutan pelbagai agama tersebut?

Buku Teks: M.S. 64 Konstruk: Menganalisis Aras: Sederhana

- A Mewujudkan keunikan warisan masyarakat
B Meluaskan sistem perdagangan tempatan
C Meningkatkan kerjasama dalam kalangan masyarakat
D Mengembangkan perpaduan antara masyarakat

30 **Apakah** persamaan peranan candi-candi berikut terhadap kerajaan Alam Melayu?

- Candi Borobudur
- Candi Prambanan
- Candi Muara Jambi
- Angkor wat

Buku Teks: M.S. 64 Konstruk: Menganalisis Aras: Tinggi

- I Pusat perhimpunan para pendeta
II Pusat perdagangan antarabangsa
III Pusat pengumpulan hasil pertanian
IV Pusat ibadat agama Hindu-Buddha
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV